

## **HUKUMAN REJAM, ZINA DAN KONTROVERSINYA: ANTARA ASPIRASI DAN REALITI DI NIGERIA**

### **Stoning, Adultery and Controversies: Aspiration vs Reality in Nigeria**

**Norazlina Mohamed Azmi<sup>1</sup>**

**Siti Zubaidah Ismail<sup>2</sup>**

#### **ABSTRACT**

*In countries that implement *ḥudūd*, many sentences shocking to modern sensibilities have been imposed. One of the most controversial sentences is stoning to death provided for sexual offences particularly *zinā* involving married (*muḥṣan*) offenders. Nigeria is one of the countries that has a mixed legal system where Shariah-based law and the civil laws can be operating in parallel. In certain states in the northern part, Shariah Penal Law was implemented after being re-introduced in 1999. The general aspiration is towards implementing the full theoretical component of Islamic criminal law comprising *ḥudūd*, *qīṣāṣ* and *ta’zīr* within the country’s legal system. However, in reality, tensions, conflicts and controversies surrounded its implementation. This article*

<sup>1</sup> Master Candidate, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, azlinaaz00@yahoo.com.my

<sup>2</sup> Senior Lecturer and Head, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, szubaida@um.edu.my

*evaluates how Nigeria has negotiated between the complexities of the law within the plural society and has tolerated the issue of what is seemingly seen as injustice for women, as most offenders convicted of zinā and sentenced to stoning are women. Two most controversial cases were examined in order to establish whether the courts' decision succeeded in reflecting Islamic justice.*

**Keywords:** *hudūd, stoning to death, rajm, Islamic capital punishment*

## PENDAHULUAN

Imej rejam atau hukuman membaling pesalah dengan anak batu serta gambaran pesalah yang ditanam separuh badan di dalam tanah merupakan suatu imej yang menggerunkan serta mampu menarik simpati apabila ia dikenakan sebagai hukuman ke atas pesalah zina. Secara psikologi, hukuman yang dahsyat lagi menakutkan sebegini mampu menjauhkan sesiapa sahaja daripada melakukan kesalahan yang dianggap berat di sisi agama Islam. Di peringkat antarabangsa, pelbagai kempen dilakukan agar hukuman ini dihapuskan kerana dianggap satu penganiayaan terhadap kaum wanita, apatah lagi apabila banyak kes yang ditonjolkan adalah membabitkan pelaksanaan hukuman tersebut terhadap golongan wanita.<sup>3</sup> Pelbagai kumpulan pejuang hak asasi manusia dan hak wanita mengadakan kempen dan promosi ke arah penghapusan hukuman rejam di negara seperti Sudan, Iran, Pakistan dan Nigeria.<sup>4</sup> Di Malaysia, bukan sahaja rejam, malah hukuman hudud secara keseluruhan menimbulkan pelbagai respon baik dari kalangan orang Islam sendiri<sup>5</sup> mahupun golongan bukan Islam.<sup>6</sup> Seperti Malaysia, Nigeria juga merupakan negara bekas jajahan

<sup>3</sup> Lihat antara laman web yang aktif mempelopori kempen berkenaan: ‘stop-killing.org,’ <http://www.violenceisnotour culture.org/>, 30 Disember 2013.

<sup>4</sup> ‘Violence is not our Culture,’ <http://www.violenceisnotourculture.org/News-and-Views/sudan-free-layla-ibrahim-issa-stop-stoning>, 30 Oktober 2012. Laman web ini ditubuhkan hasil daripada kempen global untuk menghentikan hukuman ini iaitu ‘Stop Killing and Stoning Women’ (SKSW Campaign) yang dilancarkan pada tahun 2007. Lihat juga laman web ‘Women Living Under Muslim Law’ di [www.wluml.org/](http://www.wluml.org/), 22 Januari 2014.

<sup>5</sup> Banyak kenyataaan yang dibuat oleh pemimpin politik dan pelbagai pihak yang memberikan reaksi negatif terhadap potensi pelaksanaan hukuman hudud. Antaranya ialah kenyataan bekas Perdana Menteri sendiri: ‘Dr M: Hudud Law will Create Injustice,’ <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2012/09/23/dr-m-hudud-law-will-create-injustice>, akses 30 Oktober 2013.

<sup>6</sup> Ida Lim, ‘Soi Lek Disagrees with UMNO Ally Over Hudud,’ *The Sunday Star Newspaper*, 28 Oktober 2012; ‘MCA, Gerakan Gesa UMNO Tarik Balik Usul Hudud,’ *Bernama*, 12 Jun 2014 dan *Utusan*, 30 April 2014, akses 9 Oktober 2014.

Inggeris yang kini merupakan sebuah persekutuan yang terdiri daripada 36 buah negeri yang mana kebanyakan negeri di utara didominasi oleh penduduk Muslim, manakala yang beragama Kristian lebih ramai di negeri-negeri di selatan. Pada zaman penjajahan, undang-undang tempatan yang menjadi “*the law of the land*” diketepikan dan dijadikan undang-undang persendirian (*personal law*) dan pihak penjajah memperkenalkan undang-undang mereka dan yang paling utama ialah mengubah Perlembagaan negara berkenaan.<sup>7</sup> Nmehielle, seorang ahli akademik menyimpulkan bahawa:

*“The biggest hindrance facing the former Western colonial countries, in the beginning, seems to be the Constitution itself. In Nigeria for example, the Islamic criminal law was outlawed prior to the formation of the new Constitution in 1999.<sup>8</sup> However, with the Constitution amended in 2000, Nigeria began to re-introduce an Islamic criminal law, particularly in certain Northern states.”<sup>9</sup>*

Nigeria menjadi fokus kajian ini kerana ia merupakan salah satu negara yang memperuntukkan hukuman rejam di dalam undang-undang Syariahnya,<sup>10</sup> terutama di beberapa negeri di utara Nigeria. Sebanyak 10 buah negeri di bahagian utara Nigeria mempunyai undang-undang Syariah yang mempunyai peruntukan hukuman hudud. Semenjak memperkenalkan semula undang-undang Syariah pada tahun 2000, mahkamah telah menganakan hukuman yang tegas, berdasarkan peruntukan undang-undang termasuk hukuman potong tangan, sebat dan juga rejam. Hukuman rejam pula tidak hanya diperuntukkan bagi kesalahan berzina, malah pelbagai kesalahan lain membabitkan perilaku seksual. Secara amnya, hukuman hudud ini mendapat kritikan pelbagai pihak. Kalangan ahli akademik dan pakar perundangan menggambarkan bahawa hukuman hudud “diperkenalkan secara tergesa-gesa dan lebih kepada pencapaian politik mengatasi kepentingan dan keperluannya tanpa rundingan

<sup>7</sup> Maklumat lanjut tentang sejarah pelaksanaan Syariah di Nigeria, lihat Abdul Malik Bappa, *A Brief History of Shariah in The Defunct Northern Nigeria* (Nigeria: Jos University Press Ltd., 1988), 1-61.

<sup>8</sup> Nmehielle, Vincent O., ‘Sharia Law in The Northern States of Nigeria: To Implement or Not to Implement, The Constitutionality in Question,’ *Human Rights Quarterly* 26 (2004): 733.

<sup>9</sup> G.J Weimann, ‘Judicial Practice in Islamic Criminal Law in Nigeria 2000 to 2004 - A Tentative Overview,’ *Islamic Law & Society* 14/2 (2007): 240-286.

<sup>10</sup> Negara lain adalah seperti Arab Saudi, Pakistan dan Sudan.

dan pandangan daripada Kerajaan Persekutuan.”<sup>11</sup> Rudolph Peters misalnya, berpendapat bahawa Kanun Jenayah Syariah Nigeria dirangka dalam keadaan tergesa-gesa yang menjelaskan keadaan “*the poor legislative quality of the codes with lapses such as faulty, sometimes even incomprehensible wording, incorrect cross references, omissions and contradictions.*”<sup>12</sup> Ibrahim Sulaiman pula berpendapat bahawa kemiskinan dan kejahilan adalah faktor utama mengapa Syariah gagal dilaksanakan dengan berkesan di Nigeria.<sup>13</sup>

Sungguhpun Mahkamah Syariah di Nigeria telah kerap menjatuhkan hukuman hudud membabitkan sebatan, hukuman rejam dan potong tangan semenjak tahun 2000, namun tidak semua hukuman tersebut dilaksanakan. Menurut Weimann, terdapat beratus kes kecurian yang dikenakan hukuman potong tangan, namun setakat kajian beliau dari tahun 2000 hingga 2004, hanya tiga kes sahaja yang dilaksanakan hukuman tersebut.<sup>14</sup> Antaranya melibatkan Buba Jangebe yang didapati bersalah kerana mencuri seekor kerbau dan akibatnya tangan kanannya dipotong pada tahun 2000.<sup>15</sup> Seorang lagi, Lawali Isa juga dihukum sedemikian setelah disabitkan atas kesalahan mencuri tiga buah basikal.<sup>16</sup> Sehingga bulan Disember 2000, di Sokoto sahaja, ada 12 orang yang dipenjarakan dan menunggu hukuman potong tangan dilaksanakan. Dua orang pesalah lelaki juga dijatuhi hukuman sebat sebanyak 80 kali selepas mengaku salah meminum minuman yang memabukkan.<sup>17</sup> Mengenai hukuman rejam pula, sehingga 2012, terdapat sepuluh kes yang telah dijatuhi hukuman rejam di Nigeria dan kesemuanya mengundang kontroversi yang

<sup>11</sup> Hakim IbrahimBukar, Ketua Hakim Mahkamah Tinggi, Abuja, Nigeria. Jawapan menerusi emel kepada Tun Abdul Hamid. Lihat Tun Abdul Hamid Mohamad, ‘Pelaksanaan Hudud di Brunei: Perbezaan di antara Brunei dan Malaysia,’ dalam Wacana Intelektual MPM-YADIM (Kuala Lumpur, Wisma Sejarah, Jalan Tun Razak, 7 Januari 2014) di <http://tunabdulhamid.my>, akses 23 Januari 2014, 11.

<sup>12</sup> Rudolph Peters, ‘The Re-Islamization of Criminal Law in Northern Nigeria and The Judiciary: The Safiyyatu Husaini Case,’ in M.K. Masud, R.Peters & D.S Powers (ed.), *Dispensing Justice in Islam: Qadis and Their Judgements* (Leiden: Brill, 2006), 219-241.

<sup>13</sup> Ibrahim Sulaiman, *Shariah Restoration in Nigeria: The Dynamic and The Process* (London: Nigerian Muslim Forum UK, 2001).

<sup>14</sup> G.J Weimann, ‘Judicial Practice in Islamic Criminal Law in Nigeria 2000 to 2004 - A Tentative Overview,’ *Islamic Law & Society* 14/2 (2007): 240-186.

<sup>15</sup> Sam Olukova, ‘Eyewitness: Nigeria’s Shariah Amputees,’ *BBC News*, 19 Disember 2002, akses pada 30 Disember 2013. Lihat juga Human Rights Watch, ‘Human Rights Violation Under Shari’ah in Northern Nigeria,’ <http://www.hrw.org/reports/2004/nigeria0904.pdf>.

<sup>16</sup> Sam Olukova, ‘Eyewitness: Nigeria’s Shariah Amputees,’ *BBC News*, 19 Disember 2002, akses pada 30 Disember 2013.

<sup>17</sup> Sam Olukova, ‘Eyewitness: Nigeria’s Shariah Amputees.’

tidak berkesudahan. Namun sehingga kini, hukuman berkenaan tidak pun dilaksanakan.

Artikel ini membincangkan tentang hukuman rejam yang diperuntukkan di bawah Kanun Jenayah Syariah Nigeria dan bagaimana hukuman bagi zina ini dikenakan terhadap penzina *muḥṣan* yang telah disabitkan oleh mahkamah atas tuduhan berzina dan seterusnya melihat faktor-faktor yang menggagalkan pengekalan keputusan hukuman berkenaan apabila dikemukakan rayuan ke peringkat yang lebih tinggi. Walaupun terdapat sepuluh kes yang telah dijatuhi hukuman rejam di Nigeria setakat ini, namun bagi tujuan artikel ini, hanya dua kes yang menjadi tumpuan antarabangsa akan dianalisis (kes Amina Lawal dan Safiyyatu Hussaini). Ini disebabkan limitasi akses kepada laporan asal kes-kes lain.

## LATAR BELAKANG HUKUMAN REJAM DI NIGERIA

Undang-undang Islam dipercayai telah pun dilaksanakan sepenuhnya di Utara Nigeria sejak abad ke-19 iaitu mulai tahun 1804 ketika di bawah pemerintahan Sheikh Usman Dan Fodio (1754-1817), pengasas Empayar Sokoto. Undang-undang Islam ini hanya dikuatkuasakan di bahagian utara negara berkenaan kerana majoriti penduduk di sana beragama Islam dari kalangan puak Hausa/Fulani.<sup>18</sup> Majoriti muslim di Nigeria mengamalkan aliran Sunnah wa al-Jamaah yang berpegang kepada mazhab Imām Malikī. Begitu juga dalam undang-undang Syariah, di dalam konteks hukuman rejam, Nigeria juga menggunakan pendekatan mazhab Imam Maliki untuk mensabitkan kesalahan dan pembuktian hukuman rejam di Nigeria. Hakim di utara Nigeria biasanya bergantung kepada kitab-kitab klasik undang-undang Islam yang ditulis oleh ulama mazhab Maliki. Kitab undang-undang Maliki telah digunakan di Utara Nigeria sejak zaman El-Maghili yang dikatakan sebagai ulama yang pertama yang membawa masuk kitab Maliki ke Nigeria, khususnya di kalangan bangsa Hausa. Kitab-kitab ini digunakan sebagai sumber utama undang-undang Islam di Nigeria. Ianya merangkumi undang-undang keterangan, amalan dan prosedur, akhlak atau etika kehakiman. Antara kitab-kitab tersebut ialah *Risālah Ibn Abī Zayd al-Qayrawanī*, *Mukhtaṣar Khalīl Ibn Ishāq al-Jundī*,

<sup>18</sup> Lihat Maman A. Lawan Yusufari, ‘Aplication of Islamic Law in Nigeria,’ *Islamic and Middle E.L.* 201 (1997-1998), 202; G.J Weimann, ‘Islamic Law and Muslim Governance in Northern Nigeria: Crimes Against Life, Limb and Property in Sharia Judicial Practice,’ *Islamic Law and Society* 17 (2010): 378; Ogechi E. Anyammu, ‘Crime and Justice in Postcolonial Nigeria: The Justifications and Challenges of Islamic Law of Shariah,’ *Journal of Law and Religion* 21 (2005-2006): 315-324.

*Tuhfah al-Hukkām* oleh Ibn ‘Āsim, *Fath al-‘Ali al-Mālik* oleh ‘Illaysh, *Kitāb al-Muwatṭā’* oleh Imām Malik dan lain-lain.<sup>19</sup>

Penjajahan Barat pada tahun 1900 telah menyebabkan pengaruh undang-undang Islam Nigeria berkurangan disebabkan pengenalan undang-undang Barat atau *common law* mereka. British telah menghapuskan undang-undang jenayah Islam dan hukuman hudud yang dianggap kejam dan tidak berperikemanusiaan. Pemakaian *common law* ini telah menyebabkan undang-undang Islam semakin dipinggirkan dan akhirnya hanya kekal dalam aspek personal sahaja. Namun semenjak 50 tahun yang lampau, Nigeria, seperti juga kebanyakan negara Islam yang lain, sudah mula memperkenalkan semula undang-undang Islam ke dalam sistem perundangan masing-masing. Cabaran utama pada peringkat awal sudah pasti ialah Perlembagaan negara itu sendiri.<sup>20</sup> Menurut Kanu Agabi, bekas Peguam Negara dan Menteri Keadilan (1999-2000):

*“As for Shariah (Islamic law), the Constitution permits its limited application in personal and family issues. But the states have gone beyond that limit. The Penal Code provides for dealing with criminal cases, there is no other law that is allowed by the constitution to handle criminal cases than the Penal Code in our judicial system. Now that Shariah has been declared by these states to handle criminal cases, this is going beyond the limit permitted. It is unconstitutional and illegal.”<sup>21</sup>*

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan negeri menghujahkan bahawa Perlembagaan Negara itu sendiri yang menjamin kebebasan beragama dan seterusnya keesahan pelaksanaan undang-undang Syariah di negeri yang melaksanakannya. Undang-undang jenayah Islam telah dihapuskan sebelum pindaan Perlembagaan dilakukan pada tahun 1999. Namun, setelah pindaan Perlembagaan dilakukan pada tahun 1999, Nigeria memperkenalkan semula<sup>22</sup>

<sup>19</sup> Barr. Abdullahi Ghazali, ‘Maliki Law: The Predominant Muslim Law in Nigeria,’ <http://www.gamji.com/article/4000/NEWS4601.htm>.

<sup>20</sup> Lihat Perlembagaan yang dipinda itu di <http://www.nigerialaw.org/ConstitutionOfTheFederalRepublicOfNigeria.htm>, akses 18 Julai 2014.

<sup>21</sup> Mobolaji E. Aluko, ‘The Un-fizzled Shariah Vector in The Nigerian State,’ *GAMJI*, <http://www.gamji.com/aluko/aluko11.htm>, akses 23 Julai 2014.

<sup>22</sup> Nmehielle, ‘Sharia Law in The Northern States of Nigeria: To Implement or Not to Implement, The Constitutionality in Question,’ *Human Rights Quarterly* 26 (2004), 733.

undang-undang berkenaan di tempat asalnya iaitu di bahagian utara.<sup>23</sup> Gabenor Ahmad Sani Yerima, Gabenor Zamfara, mula memperkenalkan undang-undang Syariah di negeri berkenaan pada tahun 1999 yang berkuatkuasa pada tahun 2000.

Sebelum pengenalan semula undang-undang Syariah pada tahun 1999 itu, peruntukan hukuman rejam telah pun termaktub di bawah Kanun Jenayah Syariah 1960 di Bahagian III (Hukuman dan Pampasan). Sebagai contoh, seksyen 93(1)(xviii) memperuntukkan hukuman rejam sampai mati bagi kesalahan-kesalahan yang ditentukan di bawah Kanun berkenaan. Selepas pengenalan semula undang-undang Syariah pada tahun 1999, undang-undang jenayah Syariah telah diperkemaskan, diharmonisasikan dan seterusnya dinamakan sebagai *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*.<sup>24</sup> Undang-undang ini telah digubal dan diterima pakai di sepuluh negeri di Nigeria Utara iaitu:

- i. Zamfara, Kano, Kebbi, Jigawa, Sokoto dan Yobe menggunakan *Sharia Penal Code 2000*.
- ii. Bauchi, Katsina dan Gombe menerima pada tahun 2001 dan menggunakan *Sharia Penal Code 2001*.
- iii. Kaduna menerima pada tahun 2002 dan menamakan undang-undang ini sebagai *Sharia Penal Code 2002* bagi negerinya.

## **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG HUKUMAN REJAM DI NIGERIA**

Terdapat lima kesalahan berkaitan seksual yang diperuntukkan hukuman rejam di bawah *Sharia Penal Code of Nigeria* ini iaitu zina, liwat, lesbian, rogol dan sumbang mahram. Peruntukan mengenainya diletakkan di bawah Bahagian 8 iaitu di bawah tajuk ‘Hudud dan Kesalahan-Kesalahan yang Berkaitan dengan Hudud.’<sup>25</sup> Berikut merupakan peruntukan undang-undang berkenaan:

<sup>23</sup> Rudolph Peters, ‘The Re-Islamization of Criminal Law in Northern Nigeria and The Judiciary: The Safiyatu Husaini Case,’ 219-241; G.J. Weimann, ‘Judicial Practice in Islamic Criminal Law in Nigeria 2000 to 2004 - A Tentative Overview,’ 240-186.

<sup>24</sup> Peruntukan yang sama juga terdapat di dalam *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, yang memperuntukkan, *Chapter 3 Punishments and Compensation*, Section 93 Clause 1: The punishments to which offenders are liable under the provisions of this law are: (xviii) stoning to death (*rajm*). *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, Centre For Islamic Legal Studies Ahmadu Bello University Zaria, March 2002.

<sup>25</sup> *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, *Chapter 8 Hudud and Hudud-Related Offences*.

## 1. Kesalahan Zina

Seksyen 125, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria* menyatakan seperti berikut:

*“(i) Sesiapapun, antara lelaki atau wanita yang mencapai usia tanggungjawab, mempunyai hubungan seksual melalui alat kelamin seseorang lebih dari yang ia tidak mempunyai hak seksual dan dalam keadaan di mana tidak ada keraguan mengenai tindakannya, adalah bersalah atas kesalahan zina.”<sup>26</sup>*

Jika sabit kesalahan zina, Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman merujuk kepada Seksyen 126 yang memperuntukkan:

*“Sesiapapun yang melakukan kesalahan zina perlu dihukum:<sup>27</sup>*

- a) dengan sebat seratus kali sebatan jika ia belum berkahwin, dan jika pelaku adalah seorang lelaki juga harus dikenakan hukuman penjara selama jangka waktu satu tahun; atau,*
- b) jika sudah berkahwin, dengan direjam sampai mati (rajm).”*

## 2. Liwat/Lesbian

Peruntukan undang-undang kesalahan liwat/lesbian terdapat di bawah Seksyen 129, yang menyebut bahawa:

*“Barangsiapa mempunyai hubungan seks anal dengan lelaki pun dikatakan melakukan tindakan meliwat.”<sup>28</sup>*

Seksyen 133 pula menyatakan:

*“Sesiapapun, sebagai seorang wanita, melakukan wanita lain dalam hubungan duniawi melalui organ seksual atau dengan*

<sup>26</sup> Section 125, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: “(i) Whoever, being a man or a woman fully responsible, has sexual intercourse through the genital of a person over whom he has no sexual rights and in circumstances in which no doubt exists as to the illegality of the act, is guilty of the offence of zina.”

<sup>27</sup> Section 126, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: “Whoever commits the offence of zina shall be punished: (a) with caning of one hundred lashes if unmarried, and where the offender is a man shall also be liable to imprisonment for a term of one year; or (b) if married, with stoning to death (rajm).”

<sup>28</sup> Section 129, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: “Whoever has anal coitus with any man is said to commit the offence of sodomy.”

*cara stimulasi atau rangsangan seksual satu sama lain telah melakukan kesalahan lesbianisme.”<sup>29</sup>*

Jika disabitkan kesalahan, mereka yang melakukan tindakan liwat boleh dikenakan hukuman rejam sampai mati berdasarkan Seksyen 130,<sup>30</sup> yang menyatakan sesiapa yang melakukan tindakan meliwat harus dihukum dengan rejam sampai mati. Bagi kes kesalahan lesbian, tindakan yang dikenakan bukanlah hukuman rejam sampai mati, tetapi dikenakan hukuman sebatan sebanyak lima puluh kali dan dihukum penjara selama enam bulan. Ini dijelaskan di bawah Seksyen 134, iaitu sesiapapun melakukan kesalahan lesbianisme harus dihukum dengan hukuman sebatan yang mungkin merangkumi lima puluh kali sebatan dan selain dihukum hukuman penjara sehingga enam bulan.<sup>31</sup>

Peruntukan di atas merujuk kepada lelaki atau wanita yang melakukan hubungan seksual sejenis, iaitu lelaki dengan lelaki atau wanita dengan wanita, di mana keadaan mereka adalah secara sengaja atau tanpa paksaan. Keadaan berbeza jika lelaki meliwat isterinya, iaitu melakukan seksual selain dari tempat yang dibenarkan oleh syarak akan dikenakan hukuman sebanyak lima puluh (50) kali sebatan.<sup>32</sup>

### 3. Rogol

Peruntukan bagi kesalahan rogol terdapat di bawah Seksyen 127, yang berbunyi:

<sup>29</sup> Section 133, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: “Whoever, being a woman, engages another woman in carnal intercourse through her sexual organ or by means of stimulation or sexual excitement of one another has committed the offence of lesbianism.”

<sup>30</sup> Section 130, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: Paragraph (1) Subject to the provisions of subsection (2), “Whoever commits the offence of sodomy shall be punished with stoning to death (rajm).”

<sup>31</sup> Section 134, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: “Whoever commits the offence of lesbianism shall be punished with caning which may extend to fifty lashes and in addition be sentenced to a term of imprisonment which may extend to six months.” Hanya di negeri Kano dan Katsina hukuman rejam dijatuhkan kepada yang melakukan lesbian, sebaliknya tidak di negeri-negeri lain di Utara Nigeria.

<sup>32</sup> Section 130, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: Paragraph (2) “Whoever has anal coitus with his wife shall be punished with caning which may extend to fifty lashes.”

“(1) Seorang lelaki dikatakan melakukan pemerkosaan, kecuali dalam hal sebagaimana dimaksud pada sub-seksyen (2), mempunyai hubungan seksual dengan seorang wanita dalam salah satu keadaan berikut:<sup>33</sup>

- a) dia akan melawan;
- b) tanpa persetujuannya;
- c) dengan persetujuan, ketika persetujuannya telah diperolehi dengan menempatkan dirinya dalam ketakutan kematian atau luka,
- d) dengan persetujuannya, ketika orang itu tahu bahawa ia bukan suaminya dan bahawa persetujuan itu diberikan kerana dia percaya bahawa dia adalah orang lain kepada siapa dia atau percaya dirinya berkahwin secara sah;
- e) dengan atau tanpa persetujuannya, ketika dia berada di bawah usia lima belas tahun atau akal tidak sihat.

(2) Adapun hubungan seksual oleh seorang lelaki dengan isterinya sendiri tidak dinamakan merogol.”

Peruntukan di atas merujuk kepada definisi kesalahan yang disabitkan dengan kesalahan rogol dan syarat-syarat bagi disabitkan kesalahan rogol, tertakluk kepada persetujuan atau tidak situasi mangsa mengikut apa yang ternyata di dalam Seksyen 127 (1)(2)(a) sehingga (2)(e).

“Jika disabitkan, tertuduh boleh dihukum:<sup>34</sup>

<sup>33</sup> Section 127, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: (1) “A man is said to commit rape who, save in the case referred in subsection (2), has sexual intercourse with a woman in any of the following circumstances: (a) against her will; (b) without her consent; (c) with her consent, when her consent has been obtained by putting her in fear of death or of hurt; (d) with her consent, when the man knows that he is not her husband and that her consent is given because she believes that he is another man to whom she is or believes herself to be lawfully married; (e) with or without her consent, when she is under fifteen years of age or of unsound mind. (2) Sexual intercourse by a man with his own wife is not rape.”

<sup>34</sup> Section 128, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: “Whoever commits rape, shall be punished: (a) with caning of one hundred lashes if unmarried, and shall also be liable to imprisonment for a term of one year; or (b) if married, with stoning to death (rajm); and (c) in addition to either (a) or (b) above shall also pay the dower of her equals (sadaq al-mithli) and other damages to be determined by the court.”

- a) dengan dirotan seratus kali sebatan jika ia belum berkahwin, dan juga harus dikenakan hukuman penjara selama jangka waktu satu tahun; atau
- b) jika berkahwin, dengan rejam sampai mati (Rajm); dan
- c) selain (a) atau (b) di atas juga perlu membayar mahar sama (*Sadaq al-mithli*)<sup>35</sup> dan ganti rugi lain yang akan ditentukan oleh mahkamah.”

#### 4. Sumbang Mahram (*incest*)

Seksyen 131 (1) menyatakan mana-mana lelaki, mempunyai hubungan seksual dengan wanita yang dan dengan siapa ia mengetahui atau mempunyai alasan untuk percaya sebagai anaknya, cucu perempuannya, ibunya atau yang lain dari wanitanya atau keturunan, kakaknya atau anak perempuan kakaknya atau saudara dari pihak ayah atau ibu telah melakukan tindakan sumbang mahram.

Seksyen 131 (2) pula menjelaskan mana-mana wanita, secara sukarela membenarkan seorang lelaki yang ada dan siapa dia mengetahui atau mempunyai alasan untuk percaya untuk menjadi anaknya, cucunya, ayahnya atau lain dari sebelah lelakinya atau keturunan, saudara lelakinya atau anak kakaknya atau saudara perempuan atau bapa saudaranya dari pihak ayah atau ibu untuk melakukan hubungan seksual dengan dia, telah melakukan tindakan sumbang mahram.<sup>36</sup>

Seksyen 132 memperuntukkan hukuman sumbang mahram:

- “a) dengan dirotan seratus kali sebatan jika ia belum berkahwin, dan di mana pelaku adalah lelaki juga dikenakan penjara untuk jangka masa tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun, atau

---

<sup>35</sup> Hanya negeri Kaduna yang memasukkan “dan lain-lain ganti rugi yang bakal ditentukan oleh Mahkamah (*and other damages to be determined by the court*”).

<sup>36</sup> Section 131, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: (1) “Whoever being a man, has sexual intercourse with a woman who is and whom he knows or has reason to believe to be his daughter, his grand daughter, his mother or any other of his female ascendants or descendants, his sister or the daughter of his sister or brother or his paternal or maternal aunt has committed the offence of incest. (2) Whoever, being a woman, voluntarily permits a man who is and whom she knows or has reason to believe to be her son, her grandson, her father or any other of her male ascendants or descendants, her brother or the son of her brother or sister or her paternal or maternal uncle to have sexual intercourse with her, has committed the offence of incest.”

b) jika berkahwin, dengan direjam sampai mati (rajm). ”<sup>37</sup>

Secara ringkasnya, didapati bahawa hukuman rejam tidak terhad kepada kesalahan zina membabitkan *muḥṣan* sahaja. Sebaliknya ia diperuntukkan juga bagi kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan seksual sekiranya pelakunya terdiri daripada golongan yang telah berkahwin. Hukuman rejam diperuntukkan dan dinyatakan secara ekspresif terhadap pesalah yang telah berkahwin. Sungguhpun demikian, pelaksanaannya adalah mengikut negeri dan pada hakikatnya, wujud ketidakselaras di antara sepuluh negeri terbabit dari segi pelaksanaan dan pentafsiran. Bagi menilai sejauhmanakah peruntukan hukuman rejam diaplิกasikan di Mahkamah Syariah terhadap kes zina, dua contoh kes akan dibincangkan seterusnya.

## APLIKASI PENGENAAN DAN PELAKSANAAN HUKUMAN REJAM DI NIGERIA

### 1. Kes *Amina Lawal v. The State (2002)*<sup>38</sup>

#### Kes 1: Di Mahkamah Rendah Syariah

Amina Lawal iaitu seorang wanita yang bercerai dalam umur lingkungan 30-an berasal dari latar belakang yang miskin, didakwa dengan kesalahan zina kerana mempunyai seorang anak di luar pernikahan yang sah. Beliau telah dibicarakan oleh Mahkamah Syariah yang lebih rendah di Bakori, Negeri Katsina, dan pada 22 Mac 2002, dan hakim telah menjatuhkan hukuman mati dengan rejam kepada beliau.<sup>39</sup> Amina Lawal disabitkan menerusi kehamilannya dan pengakuan beliau telah dianggap sebagai keterangan yang mencukupi untuk mensabitkan kesalahannya. Yahaya Abubakar, lelaki yang didakwa bapa kepada bayi yang dikandung, telah menafikan apa-apa penglibatan

<sup>37</sup> Section 132, *Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*: “Whoever commits incest shall be punished: (a) with caning of one hundred lashes if unmarried, and where the offender is a male shall also be liable to imprisonment for a term of not less than one year and not exceeding five years; or (b) if married, with stoning to death (rajm).”

<sup>38</sup> Amina Lawal v. The State, KTS/SCA/FT/86/2002.

<sup>39</sup> Human Right Watch, ‘Political Shari’ā? Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria 16/9 (A) (2004), 35. Aliyu Musa Yamuri, ‘On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal’ dalam P. Ostien (ed.), *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook* (Ibadan: Spectrum Books Ltd, 2007), Vol. V, Chapter 6, Part VII, 132. <http://ssrn.com/abstract=1470205>.

beliau dan telah dilepaskan kerana kekurangan bukti. Amina Lawal tidak diwakili peguam semasa perbicaraan itu dan tidak dimaklumkan mengenai hak untuk mengambil khidmat seorang peguam; dan dia pula tidak sedar akan kesan dan akibat pengakuansalahnya itu. Kes ini telah mendapat perhatian meluas dan mendapat publisiti sehingga ke luar negara. Beberapa peguam dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan telah campur tangan bagi pihak beliau dan membantu membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah di Funtua.<sup>40</sup>

### *Kes 2: Rayuan I di Mahkamah Tinggi Syariah*

Pada 19 Ogos 2002, Mahkamah Tinggi Syariah telah mengekalkan hukuman rejam sampai mati. Ketika prosiding rayuan di Mahkamah Tinggi, Amina Lawal diwakili oleh peguamnya iaitu Maryam Imhanobe dan Hauwa Ibrahim telah mengemukakan beberapa petisyen rayuan, mereka membangkitkan hujah mengenai pelanggaran hak asasi mereka di bawah Perlembagaan Nigeria serta penarikan balik pengakuan Amina Lawal. Namun begitu, Hakim Rayuan berkata Mahkamah tidak terikat dengan Perlembagaan, sebaliknya hanya terikat dengan Syariah. Hakim turut menegaskan bahawa beliau hanya mengikut hukum Syariah tanpa mempedulikan Perlembagaan walaupun pada ketika itu tidak ada Kanun Tatacara Jenayah Syariah yang diikuti dalam penyiasatan, apatah lagi semasa perbicaraan kes Amina Lawal itu. Amina Lawal juga dikatakan tidak mempunyai hak untuk menarik balik pengakuan salahnya kerana tiada peruntukan berbuat demikian di bawah undang-undang Syariah. Hakikatnya Amina Lawal mempunyai hak untuk menarik balik pengakuannya sebelum hukuman dijatuhkan ke atasnya.

### *Kes 3: Rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah*

Rayuan lanjut difailkan ke Mahkamah Rayuan Syariah Negeri. Pada 25 September 2003,<sup>41</sup> Mahkamah Rayuan Negeri mengejutkan pelbagai pihak apabila membatalkan hukuman rejam sampai mati ke atas Amina Lawal. Beberapa alasan dinyatakan, termasuk ketiadaan bukti yang mencukupi untuk mensabitkan Amina Lawal dan bahawa dia ada hak untuk menarik balik pengakuannya. Sebenarnya selain alasan yang diberikan, hakikatnya hakim

<sup>40</sup> Aliyu Musa Yamuri, ‘On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal,’ 132-133.

<sup>41</sup> Asifa Quraishi, ‘What if Sharia Weren’t The Enemy? Rethinking International Women’s Rights Advocacy on Islamic Law,’ Legal Studies Research Paper Series Paper No. 1154, *Columbia Journal of Gender and Law* 25 (2011), 5:19. <http://ssrn.com/abstract=1762767>.

sendiri gagal mematuhi prinsip-prinsip Syariah kerana hakim gagal untuk memberi hak kepada Amina Lawal untuk menarik balik hak pengakuan yang diperuntukkan di bawah undang-undang Syariah. Empat daripada lima Hakim Mahkamah Rayuan telah bersetuju menerima alasan rayuan yang dikemukakan itu. Seorang Hakim lagi berbeza pendapat dan berhujah bahawa Amina Lawal patut kekal didapati bersalah. Pada 25 September 2003, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Katsina, telah memberikan pendapat dan pertimbangan terhadap beberapa isu-isu asas. Yang Arif Hakim membaca penghakiman bersama tiga Hakim yang lain, memutuskan bahawa pihak polis tidak sepatutnya mengambil tindakan terhadap Amina Lawal atas kesalahan zina kerana ianya berada di luar tanggungjawab Perlembagaan mereka. Lalu Mahkamah Rayuan Syariah menyatakan bahawa Islam dan Syariah menyediakan perlindungan kebebasan dan keadilan, dan pihak mahkamah menolak semua tuduhan terhadap Amina Lawal. Amina kemudiannya dilepaskan dan dibebaskan.<sup>42</sup>

## 2. Kes *Saffiyatu Husseini v. The State (2001)*<sup>43</sup>

Saffiyatu Husseini, seorang janda, berusia dalam lingkungan 30-an dan berasal dari latar belakang keluarga yang miskin. Beliau telah didapati bersalah atas kesalahan berzina dan dihukum mati dengan rejam oleh Mahkamah Tinggi Syariah di Gwadabawa, di Sakoto, pada 9 Oktober 2001. Beliau tidak diwakili peguam semasa perbicaraan. Yakubu Abubakar, lelaki dengan yang dikatakan telah melakukan zina dengannya, menafikan sekeras-kerasnya telah melakukan perbuatan terkutuk itu. Oleh yang demikian, Mahkamah telah membebaskannya kerana ketiadaan bukti lain mahu pun saksi. Saffiyatu Husseini telah disabitkan bersalah kerana telah hamil di luar nikah. Kehamilan beliau itu telah dikira sebagai bukti berzina, tambahan pula dengan pengakuan salah yang telah dilafazkannya. Pengakuan yang dibuat oleh Saffiyatu Husseini itu telah diterima kerana dibuat bukan dengan paksaan, namun beliau jahil tentang perundangan Islam serta tidak mengetahui hak sebagai tertuduh

<sup>42</sup> Asifa Quraishi, ‘What if Sharia Weren’t The Enemy? Rethinking International Women’s Rights Advocacy on Islamic Law.’

<sup>43</sup> Case no. USC/GW/CR/FI/10/2001 Upper Sharia Court, Gwadabawa, Sokoto State, 3 July to 9 October, 2001, translated by Abdurauf A. Shehu, 22 January 2002; Sharia Court of Appeal of Sokoto State, Sokoto Judicial Division, 25 March 2002, translated by Ibrahim Ladan, D.D. Litigation, High Court of Justice, Sokoto, 27 July 2002. Ogbu U. Kalu, ‘Saffiya and Adamah: Punishing Adultery with Sharia Stones in Twenty-First-Century Nigeria,’ *African Affairs* 102 (2003), 389–408, Aliyu Musa Yamuri, ‘On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal,’ 129–130.

di mana beliau boleh menarik balik pengakuan, jika mahu. Kemudian bapa Saffiyatu Husseini memohon rayuan untuk membatalkan hukuman rejam ke atas anaknya, beliau merasakan tidak ada keadilan dalam penghakiman ini. Lalu rayuannya diterima dan dibawa ke Mahkamah Rayuan Syariah. Setelah mendapat nasihat daripada pihak peguam, Saffiyatu Husseini memutuskan untuk menarik balik pengakuannya. Mahkamah menolak cadangan ujian DNA dijalankan sekalipun untuk membuktikan Abubakar Yakubu adalah bapa kepada anak Safiyatu Husseini, atas alasan bahawa tidak ada rujukan kepada ujian itu dalam Syariah.

Berikutan hukuman itu, beberapa peguam dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah campur tangan dan membantu memfailkan rayuan, yang didengar pada bulan Oktober 2001. Pada 25 Mac 2002, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri yang terdiri daripada empat hakim, membatalkan hukuman rejam sampai mati. Alasan rayuan yang telah diterima oleh pihak mahkamah rayuan, ialah bahawa undang-undang Syariah di mana beliau telah dihukum tidak lagi berkuatkuasa pada masa kesalahan yang dikatakan telah dilakukan, dan tidak boleh digunakan untuk berkuatkuasa ke belakang. Kesalahan yang didakwa berlaku pada bulan Disember 2000, manakala Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah Syariah berkuatkuasa pada Januari 2001. Mahkamah Rayuan juga mengakui bahawa terdapat beberapa kawasan lain di mana proses yang sewajarnya tidak dipatuhi semasa perbicaraan, termasuk kegagalan hakim Mahkamah Syariah untuk menjelaskan jenis kesalahan yang jelas kepada defendan dan memaklumkan hak perwakilan undang-undang dan hakikat bahawa mahkamah telah mensabitkan hukuman walaupun wujud penarikan balik pengakuannya.<sup>44</sup> Alasan rayuan tersebut menunjukkan ia lebih menjurus kepada alasan bidang kuasa. Peguam Imam Ibrahim Abdulkadir yang mengetuai peguam Cik Ezinne N. Ekekwe, Hauwa Ibrahim, Ladiddi Abdulkadir, O. Omo-Osagie dan Messers Aliyu Musa Yauri, Sadiq Abubakar, Mohammed Saidu Sifawa Bola Odugbesan, Isah Mohammed dan Victor Dadieng untuk proses rayuan telah mengemukakan alasan-alasan yang berikut:

1. Kekurangan bidang kuasa di mana bidang kuasa Mahkamah Syariah sangat terhad dan perlu dibuat penambahbaikan seperti pensabitan bukti dan keterangan, hak-hak tertuduh, prosedur dan lain-lain yang terlalu nampak banyak kelemahannya.
2. Mahkamah yang lebih rendah terkhilaf dari segi undang-undang dengan mengambil pengakuan perayu tanpa memberi peluang untuk memanggil saksi-saksi atau mempertahankan dirinya.

---

<sup>44</sup> Human Right Watch, ‘Political Shari’ā?’, 34.

3. Tuduhan zina itu tidak dijelaskan kepada perayu di mana Saffiyatu Husseini terus didakwa tanpa dijelaskan terlebih dahulu tuduhan yang didakwa ke atasnya.
4. Saksi tidak dipanggil oleh mahkamah yang lebih rendah untuk memberi keterangan bahawa perayu adalah ‘*muhsan*’ dan begitu juga hubungan seks yang boleh menimbulkan kesalahan zina.
5. Perayu tidak diberi peluang untuk alamat akhir (*izari*) sebelum lulus penghakiman.
6. Kehamilan tidak boleh menjadi bukti muktamad zina.

Rayuan itu telah dibenarkan dan penghakiman telah diberikan pada 25 Mac 2002 berdasarkan alasan rayuan, kecuali Perlembagaan Sistem Kanun Keseksaan,<sup>45</sup> yang berhujah atas alasan bidang kuasa. Alasan rayuan yang telah diterima oleh mahkamah rayuan, ialah bahawa undang-undang Syariah di mana dia telah dihukum belum lagi berkuatkuasa pada masa kesalahan yang dikatakan telah dilakukan, dan tidak boleh digunakan sebagai retroaktif.<sup>46</sup> Kesalahan yang didakwa berlaku pada bulan Disember 2000, manakala Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah Syariah berkuatkuasa pada Januari 2001. Mahkamah rayuan juga mengakui bahawa terdapat beberapa kawasan lain di mana proses yang sewajarnya tidak dipatuhi semasa perbicaraan, termasuk kegagalan hakim Mahkamah Syariah untuk menjelaskan jenis kesalahan yang jelas kepada defendant dan memaklumkan hak perwakilan undang-undang dan hakikat bahawa mahkamah telah mensabitkan hukuman walaupun wujud penarikan balik pengakuannya.<sup>47</sup> Akhirnya Saffiyatu Husseini dilepaskan dan dibebaskan.

## **KENAPA HUKUMAN REJAM GAGAL DIKENAKAN KE ATAS PESALAH?**

Jika diperhatikan dua kes utama rejam di Nigeria yang dibincangkan di atas, terdapat beberapa kesimpulan yang dapat dibuat. Antaranya ialah:

1. Kegagalan pembuktian oleh pihak pendakwa ketika perbicaraan untuk meyakinkan Mahkamah Syariah untuk mengenakan hukuman rejam.

---

<sup>45</sup> Ini bermakna bahawa soalan-soalan yang telah dibangkitkan adalah fakta bahawa Kanun Keseksaan Syariah menentang prinsip-prinsip peruntukan-peruntukan Perlembagaan.

<sup>46</sup> Retroaktif adalah mengenai tinjauan terhadap masa yang lampau.

<sup>47</sup> Human Right Watch, ‘Political Shari’ā?’ *Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria* 16/9 (A) (2004), 34.

2. Kegagalan fungsi mahkamah Syariah di Nigeria untuk bebas dan bertindak secara tersendiri tanpa terikat dengan Perlembagaan Nigeria.
3. Hakikat bahawa Nigeria merupakan sebuah negara yang terlalu banyak menandatangani perjanjian antarabangsa seperti hak asasi manusia dan sebagainya (berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan perlindungan hak asasi manusia seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Republik Persekutuan Nigeria, Piagam Afrika, Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia dan lain-lain perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia yang Nigeria telah tandatangani). Justeru, Nigeria perlu mematuhi dan menghormati perjanjian tersebut tanpa sebarang bantahan. Kesannya, Mahkamah Syariah juga perlu bertindak mengikut kehendak Perlembagaan Nigeria dan tidak dapat bertindak secara sendiri untuk memutuskan hukuman mengikut kehendak Syariah, kerana perjanjian antarabangsa telah mengatasi undang-undang tempatan Nigeria.

Kenyataan yang harus diterima, sememangnya terlalu sukar dan mustahil bagi Mahkamah Syariah di Nigeria untuk memutuskan hukuman rejam di Nigeria kerana terikat kuatnya Perlembagaan Nigeria terhadap perjanjian antarabangsa yang sememangnya perjanjian antarabangsa ingin menghapuskan hukuman rejam bagi kesalahan yang melibatkan dengan kesalahan zina sebagai sebahagian dari perjuangan hak-hak asasi manusia dan tidak sewajarnya kesalahan zina dikenakan dengan hukuman rejam dengan batu, dan mendakwa ia merupakan suatu hukuman yang keras dan zalim. Kesimpulannya, Nigeria tidak boleh menggunakan dan melaksanakan hukuman rejam seperti yang terkandung di dalam perlembagaannya, walaupun terdapat kod penal Syariah Nigeria yang boleh mensabitkan hukuman rejam begitu juga walaupun hukuman rejam merupakan salah satu hukuman yang terkandung di dalam perundangan Islam.

## **KESIMPULAN**

Mengapa kedua-dua kes ini tidak dikenakan hukuman rejam? Sedangkan menurut Syariah, sesiapa yang melakukan kesalahan zina bagi yang *muhsan* perlu direjam sehingga mati. Adakah keadilan telah tercapai terhadap kedua-dua kes ini? Hakikatnya, kedua-dua kes ini keadilan telah tercapai kepada mereka walaupun pelaksanaan hukuman rejam tidak dijalankan ke atas mereka. Ianya bukanlah untuk merendah-rendahkan Mahkamah Syariah, tetapi di sebaliknya memperbaiki kelemahan yang wujud di dalam Mahkamah Syariah itu sendiri supaya lebih telus dan memahami prinsip-prinsip Syariah tanpa membuat

kesilapan di dalam proses pembuktian dan keterangan saksi supaya hukuman tidak dijatuhkan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira hak-hak tertuduh dan *prima facie*<sup>48</sup> yang dikemukakan kepada Mahkamah.

Berdasarkan kepada kes-kes hukuman rejam yang dibincangkan sebelum ini, ternyata bahawa triti hak asasi manusia juga secara tidak langsung merupakan faktor penentu dalam mengubah keputusan mahkamah. Apa yang dibawa oleh triti tersebut sebenarnya memberi ruang kepada Mahkamah Syariah memperbaiki kelemahan yang wujud dari sudut prosedur, kesahihan pembuktian dan mewujudkan *syubhah*<sup>49</sup> agar boleh dikemukakan keterangan sokongan yang lebih kuat untuk mensabitkan hukuman rejam.

Kesimpulannya, walaupun kewujudan mereka ini seolah-olah mengganggu Mahkamah Syariah untuk bertindak sendiri, melawan pihak mahkamah Syariah terhadap keputusan menjatuhkan hukuman rejam, namun mereka juga amat diperlukan untuk mengawal Mahkamah Syariah daripada bertindak sesuka hati tanpa dipantau sehingga mengakibatkan penindasan terhadap tertuduh justeru menjatuhkan hukuman tanpa sebarang kata dua dan bertindak semata-mata menurut akta tertulis sahaja. Maka kewujudan mereka harus diberikan kredit agar Mahkamah Syariah boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan mereka sedia ada ketika membicarakan kes-kes yang melibatkan hukuman rejam di Nigeria. Hukuman rejam boleh diputuskan, namun hendaklah berteraskan bukti yang kukuh/kuat, prosedur yang betul dan tanpa keraguan *syubhah* yang dapat menggugurkan hukuman rejam dilaksanakan.

Hakikatnya, kewujudan campur tangan hak asasi manusia di Nigeria bukanlah bertindak sebagai penghapus hukuman rejam tersebut. Namun apa yang diperjuangkan oleh mereka adalah jaminan hak-hak tertuduh, kelemahan yang wujud dalam prosedur tatacara Mahkamah Syariah dan memandang ringan serta cuai untuk meneliti keraguan dan *syubhah* di dalam mensabitkan pembuktian bagi kesalahan zina. Keadaan ini langsung tidak menampakkan mereka untuk menghapuskan hukuman rejam, cuma kritikan yang wujud mungkin bersifat pandangan peribadi seperti motif pertubuhan mereka yang disokong oleh orang bukan Islam dalam campur tangan hal ehwal orang Islam, namun ianya bukanlah suatu alasan kukuh untuk menggugat perlaksanaan hukuman rejam.

<sup>48</sup> *Prima facie* bermaksud mewujudkan apa-apa keraguan bukti untuk mengelakkan pensabitan hukuman Mahkamah. Ianya bertujuan untuk menghindari Mahkamah dari tersalah tuduh mangsa yang tidak bersalah dari dikenakan hukuman.

<sup>49</sup> *Syubhah* ialah perkara-perkara yang boleh mendatangkan keraguan.

Ini sudah cukup untuk menjadi inspirasi dan asas kepada para mujtahid kontemporari, para ilmuan dan ulamak moden untuk mengorak perbincangan semasa yang lebih mantap ke arah membantu pelaksanaannya atau pun, jika mahu sepakat, untuk tidak melaksanakannya, boleh dikemukakan ijtihad, fatwa atau pendapat yang relevan. Bila ia menjadi peruntukan dalam undang-undang, ia sewajarnya dipatuhi. Namun, di sebalik semua itu, elemen pencegahan dan pendidikan yang diharapkan dapat menjadi peringatan kepada masyarakat agar menjauhkan diri daripada jenayah zina yang terkutuk ini. Hal ini lebih penting daripada statistik yang diharap dapat dikumpul saban tahun mengenai pesalah zina ini. Nigeria yang menjadi kajian kes di dalam kertas ini, membuat percubaan yang berani mempraktikkan peruntukan undang-undang zina dan hukumannya. Namun, pada praktiknya, ia bukanlah mudah untuk disabitkan. Jika terdapat keraguan, walaupun sedikit, hukuman rejam dan hudud secara keseluruhannya, tidak dapat dilaksanakan. Kesesuaian pelaksanaan hukuman sebat ini juga perlu pada praktiknya, melihat kepada latar belakang, budaya setempat dan sebagainya.

Elemen pencegahan dan pendidikan yang terdapat dalam hukuman ini sebenarnya satu unsur penting yang patut diberi perhatian, bukannya pelaksanaannya. Yūsuf al-Qaraḍāwī pernah berkata bahawa jika diteliti kaedah yang Rasulullah SAW lakukan, bahawa hakikatnya sebelum Nabi SAW melaksanakan hukum hudud, Baginda terlebih dahulu menegakkan Islam secara keseluruhannya, yakni menegakkan kehidupan Islam. Dalam ungkapan yang lebih jelas seperti yang dinyatakan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī:

*“Dasar (berkenaan perlaksanaan hudud ialah) tidak dilaksanakan (hukum) hudud melainkan apabila kita telah melaksanakan-seperti yang telah saya katakan ajaran-ajaran Islam keseluruhannya yang berkaitan akidah, syariat, akhlak, tata susila dan nilai-nilai (murni), kita bangunkan masyarakat Islam, dalam keadaan ini, kita laksanakan (hukum) hudud.”<sup>50</sup>*

Memetik kata-kata Tun Abdul Hamid, mantan Ketua Hakim Negara dalam ucapananya baru-baru ini:

*“Pelaksanaan sesuatu undang-undang bukan tamat dengan penguatkuasaannya. Lebih penting ialah bagaimana pelaksanaan itu berjalan, apa kesan dan akibatnya, adakah ia membawa*

---

<sup>50</sup> Rujuk: <http://www.qaradawi.net/>, pembahasan Dr. Sheikh Yūsuf Qaraḍāwī mengenai hudud, akses 1 November 2012.

*kepada keadaan masyarakat yang lebih aman dan tenteram, dan adakah ia meningkatkan tahap keadilan di sesebuah negara.”<sup>51</sup>*

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohamad, ‘Pelaksanaan Hudud di Brunei: Perbezaan di antara Brunei dan Malaysia,’ dalam Wacana Intelektual MPM-YADIM (Kuala Lumpur, Wisma Sejarah, Jalan Tun Razak, 7 Januari 2014) di <http://tunabdulhamid.my>, akses 23 Januari 2014.
- Abdul Malik Bappa, *A Brief History of Shariah in the Defunct Northern Nigeria* (Nigeria: Jos University Press Ltd., 1988).
- Aliyu Musa Yamuri, ‘On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal,’ dalam P. Ostien (ed.), *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook* (Ibadan: Spectrum Books Ltd, 2007), Vol. V, Chapter 6, Part VII, 132, <http://ssrn.com/abstract=1470205>.
- Asifa Quraishi, ‘What if Sharia Weren’t The Enemy? Rethinking International Women’s Rights Advocacy on Islamic Law,’ *Legal Studies Research Paper*, Series Paper No. 1154, *Columbia Journal of Gender and Law* 25/5 (2011), <http://ssrn.com/abstract=1762767>.
- Barr. Abdullahi Ghazali, *Maliki Law: The Predominant Muslim Law in Nigeria* in <http://www.gamji.com/article4000/NEWS4601.htm>.
- G.J. Weimann, ‘Islamic Law and Muslim Governance in Northern Nigeria: Crimes Against Life, Limb and Property in Sharia Judicial Practice,’ *Islamic Law and Society* 17 (2010).
- G.J. Weimann, ‘Judicial Practice in Islamic Criminal Law in Nigeria 2000 to 2004 - A Tentative Overview,’ *Islamic Law and Society* 14/2 (2007). <http://www.qaradawi.net/>, akses 1 November 2012.
- <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2012/09/23/dr-m-hudud-law-will-create-injustice>, akses 30 Oktober 2013.
- <http://www.nigerialaw.org/ConstitutionOfTheFederalRepublicOfNigeria.htm>, akses 18 Julai 2014.
- Human Right Watch, ‘Political Shari’ा?’ *Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria*, 16/9 (A) (2004).
- Ibrahim Sulaiman, *Shariah Restoration in Nigeria: The Dynamic and The Process* (London: Nigerian Muslim Forum UK, 2001).

<sup>51</sup> Tun Abdul Hamid Mohamad, ‘Pelaksanaan Hudud di Brunei: Perbezaan di antara Brunei dan Malaysia.’

- Ida Lim, 'Soi Lek disagrees with UMNO ally Over Hudud,' *The Sunday Star Newspaper*, 28 Oktober 2012.
- J. Isawa Elaigwu & Habu Galadima, 'The Shadow of Sharia Over Nigerian Federalism,' *Publius* 33/3 (2003).
- Maman A Lawan Yusufari, 'Application of Islamic Law in Nigeria,' *Islamic and Middle E.L.* 201 (1997-1998).
- Mobolaji E. Aluko, 'The Un-fizzled Shariah Vector in The Nigerian State,' GAMJI di <http://www.gamji.com/aluko/aluko11.htm>, 23 Februari 2014.
- M.K. Masud, Peters, R. & Powers, D.S. (ed.), *Dispensing Justice in Islam: Qadis and Their Judgements* (Leiden: Brill).
- Vincent O. Nmehielle, 'Sharia Law in The Northern States of Nigeria: To Implement or Not to Implement, The Constitutionality in Question,' *Human Rights Quarterly* 26 (2004).
- Ogbu U. Kalu, 'Saffiya and Adamah: Punishing Adultery with Sharia Stones in Twenty-First-Century Nigeria,' *African Affairs* 102 (2003).
- Ogechi E. Anyammu, 'Crime and Justice in Postcolonial Nigeria: The Justifications and Challenges of Islamic Law of Shariah,' *Journal of Law and Religion* 21,:315 (2005-2006).
- Rudolph Peters, 'The Re-Islamization of Criminal Law in Northern Nigeria and The Judiciary: The Safiyyatu Husaini Case,' in M.K. Masud, R.Peters & D.S Powers (ed.), *Dispensing Justice in Islam: Qadis and their Judgements* (Leiden: Brill, 2006).
- Sam. Olukova, 'Eyewitness: Nigeria's Shariah Amputees,' *BBC News*, 19 December 2002, akses 30 Disember 2013. Lihat juga Human Rights Watch, *Human Rights Violation Under Shari'ah in Northern Nigeria*, <http://www.hrw.org/reports/2004/nigeria0904.pdf>.
- 'stop-killing.org,' <http://www.violenceisnotourculture.org>, akses 30 Disember 2013.
- 'Violence in not our Culture,' <http://www.violenceisnotourculture.org/News-and-Views/sudan-free-layla-ibrahim-issa-stop-stoning>, akses 30 Oktober 2012.

## Statut

Sharia Penal Code 2000 of Nigeria.

**Kes**

Amina Lawal v. The State, KTS/SCA/FT/86/2002.  
Saffiyatu Husseini v. The State (2001) Case no. USC/GW/CR/FI/10/2001.